

**SPESIFIKASI UNTUK PERKHIDMATAN RAWATAN PENCEMARAN MENGAWAL
PENCEMARAN BAU KOLAM KUMBAHAN DI LADANG KHINZIR BAGI TAHUN 2013**

MENGAWAL PENCEMARAN BAU KOLAM KUMBAHAN:

1. Jumlah ladang terlibat : 29 ladang
2. Lokasi : SEBERANG PERAI (senarai ladang terlibat akan diberikan kepada pembida berjaya)
3. Pelaporan wajib : Laporan hendaklah diserahkan dalam bentuk:-
 - i. 2 “softcopy”, 5 salinan “hardcopy”
 - ii. Gambar-gambar bukti perkhidmatan dan berkaitan yang dijalankan
 - iii. Perakuan oleh penternak dimana kerja kawalan dijalankan
4. Perkhidmatan : Merangkumi:
 - i. Persediaan bahan dan peralatan yang akan digunakan
 - ii. Menghantar bahan dan peralatan yang diperlukan
 - iii. Menjalankan kerja-kerja perkhidmatan kawalan
 - iv. Selenggara kenderaan serta peralatan dan bahan yang digunakan

SYARAT-SYARAT @ TERMA SEMASA PERKHIDMATAN

LATIHAN

Pihak pembekal perkhidmatan perlu memberi demonstrasi serta latihan kepada Jabatan dan juga penternak supaya dapat melatih pegawai tentang aplikasi penggunaan yang betul bagi memudahkan penggunaannya, selepas perkhidmatan dilakukan.

ALAT GANTI MUDAH DIPEROLEHI

Semua peralatan yang dibekal kekal perlulah mudah untuk mendapatkan alat ganti jika memerlukan penyelenggaraan dan penukaran bahagian-bahagian tertentu.

PANGGILAN KECEMASAN (ON-CALL SERVICE)

Selain daripada kontrak perkhidmatan, pihak pembekal mestilah menyediakan seorang juruteknik yang berkemahiran dan berpengetahuan jika terdapat kecemasan yang memerlukan penyelenggaraan dengan segera.

Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Negeri Pulau Pinang